

03 SEP 1998

BN SARAWAK ANGGAP PELUCUTAN ANWAR KUASA MUTLAK DR MAHATHIR

KUCHING, 3 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak berkata pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah kuasa mutlak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, BN Sarawak berkata oleh kerana Dr Mahathir mempunyai semua fakta yang menyebabkan pelucutan itu, beliau juga mempunyai kedudukan untuk melaksanakan kuasa mutlak itu.

BN Sarawak juga percaya bahawa sebagaimana pada masa lalu, Perdana Menteri telah melakukan tindakan demi kepentingan negara.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas mesyuarat khas pagi ini yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, yang juga Pengerusi BN Sarawak.

Parti komponen BN Sarawak turut mengulangi sokongan penuh mereka terhadap Perdana Menteri dalam usahanya untuk melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP).

-- BERNAMA

OPP RHM